

02 FEB 1998

Bank-Ekonomi

TINDAKAN M'SIA TANGANI MASALAH EKONOMI BERKESAN, KATA BANK DUNIA

Oleh: Tan Hock Guan

SINGAPORE, 2 Feb (Bernama) -- Presiden Bank Dunia James Wolfensohn hari ini program Malaysia untuk mengatasi masalah kewangan dan ekonomi sekarang terbukti berkesan.

"Malaysia mempunyai keupayaan menangani krisis itu," kata beliau kepada pemberita di sini hari ini.

Wolfensohn berkata Malaysia tidak termasuk dalam kumpulan negara yang "membimbangkan beliau pada masa ini".

Beliau sedang melawat enam negara Asia timur. Beliau berada di sini selepas berkunjung ke Thailand dan akan ke Malaysia, Indonesia dan Filipina.

Di Malaysia, Wolfensohn dijadual menemui Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Wolfensohn berkata Malaysia, yang tidak memohon bantuan Tabung Kewangan Antarabangsa untuk mengatasi krisis itu, mempunyai pengurusan ekonomi yang berkesan.

Kenyataan beliau dibuat ketika pasaran Asia menunjukkan pelabur asing semakin yakin terhadap rantau ini.

Kesemua pasaran utama rantau ini -- Tokyo, Hong Kong, Sydney, Singapura -- naik hari ini, begitu juga dengan pasaran di Bangkok, Jakarta dan Manila. Bursa Saham Kuala Lumpur ditutup hari ini kerana cuti umum.

Mata wang Asia juga meningkat atau kukuh pada paras lebih tinggi hasil keyakinan yang kelihatan pulih itu.

Wolfensohn berkata Malaysia, dalam melaksanakan programnya sendiri, telah memberi keyakinan kepada pelabur dengan menanggungkan beberapa projek besar sehingga ekonominya mantap semula.

Katanya dalam pertemuan dengan pemimpin-pemimpin Malaysia tiga bulan lepas, beliau telahpun membuat kesimpulan bahawa Malaysia mampu mengawal keadaan.

Ketika ditanya sama ada tahap terburuk telah berlalu, Wolfensohn berkata tidak ada siapa yang dapat menduganya tetapi langkah-langkah yang diambil oleh semua negara terlibat mampu mengurangkan risiko ianya berulang. -- BERNAMA

THG MAI